



# **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**SELESA / 9 APRIL 2019**

- 1. AKTA BENIH TANAMAN HAMPIR SIAP**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 2. PESAWAH AMBIL BENIH PADI SAH ELAK MASALAH**
  - **UTUSAN MALAYSIA**
- 3. SISA BABI CEMAR SUNGAI, JEJAS PESAWAH**
  - **BERITA HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH :**  
**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT**  
**(MADA)**

SIDANG DEWAN RAKYAT

Laporan AZMAN IBRAHIM DAN FARHANA JONI Jurugambar FAUZI BAHARUDIN

# Akta Benih Tanaman hampir siap

■ KUALA LUMPUR 8 APRIL

**B**AGI membendung penyalahgunaan benih padi tidak sah di negara ini, satu akta iaitu Akta Benih Tanaman 2019 akan digubal di Parlimen yang kini prosesnya sudah 99 peratus siap.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihaknya kini bagaimanapun masih menunggu laporan daripada beberapa pihak sebelum dibentangkan di Parlimen.

Katanya, penggubalan akta ini penting supaya kerajaan dapat mengawal penyalahgunaan padi untuk kepentingan petani-petani tempatan.

"Untuk menurunkan penggunaan benih padi tidak sah, satu sesi libat urus dan kempen penggunaan padi sah dengan penglibatan pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian, Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI), Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada), Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan lain-lain lagi. Pada April saya telah melancarkan kempen penggunaan padi sah

di peringkat nasional di Sungai Burung, Tanjung Karang, Selangor.

"Kementerian juga sedang menggubal Akta Benih Tanaman yang hampir 99 peratus siap, hanya menunggu laporan daripada pelbagai pihak

untuk kita bentang di Parlimen ini supaya kerajaan boleh mengawal penyalahgunaan benih padi untuk kepentingan petani-petani kita, katanya sewaktu menjawab soalan tambahan **Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali (PH-Bagan Serai)** dalam sesi pertanyaan-pertanyaan lisan sidang Dewan Rakyat hari ini.

Noor Azmi bertanyakan mengenai langkah-langkah kerajaan untuk mengekang benih padi tidak sah sekarang dan langkah-langkah untuk menurunkan penggunaannya.

Laporan khas *Utusan Malaysia* pada 4 April lalu mendedahkan negara bakal mengalami kemerosotan bekalan beras tempatan berikutan ramai penanam padi di seluruh negara dikesan



SALAHUDDIN AYUB

semakin cenderung menggunakan benih tidak sah yang tidak terjamin hasil pengeluarannya.

Lebih membimbangkan, penggunaan benih 'haram' yang tidak menepati piawaian di bawah standard Jabatan Pertanian itu amat berisiko khususnya dalam aspek pengawalan penyakit termasuk menjejaskan tanaman padi pengusahanya lain.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali berkata, masalah tersebut berpunca daripada tahap kesedaran dalam kalangan petani padi tempatan amat rendah berhubung kepentingan penanaman menggunakan benih sah.

Tambah Salahuddin, setiap kilang pemrosesan padi dan beras di negara ini akan dipastikan tidak mengeluarkan padi angin atau virus yang boleh mengancam industri pengeluaran beras di negara ini.

Jelasnya, ini berikutan penggunaan teknologi moden dapat mengasingkan padi yang menggunakan benih haram yang menjadi virus dengan padi yang

KERATAN *Utusan Malaysia* 4 April 2019.

berkualiti tinggi.

"Semua kilang yang kita pastikan, saya rasa dengan menggunakan mesin *indented cylinder separator* (pemisah silinder yang diidentifikasi) dan *color sorting machine* (mesin penyusunan warna) ini kita berupaya paling tidak pun mengenal pasti kita tidak lagi mengeluarkan

padi angin.

"Padi angin ini adalah suatu virus. Kalau selesema burung tidak berbahaya kepada manusia, tetapi sekarang, boleh membunuh manusia. Demikian juga dengan padi angin ini. Jadi, saya akan memastikan supaya kita dapat membuat yang terbaik," ujarnya.



ANTARA tapak tanaman padi benih yang terdapat di Kampung Pinang Tunggal, Kepala Batas daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

## Pesawah ambil benih padi sah elak masalah



Oleh **ABD. RAZAK OSMAN**  
[utusanpinang@yahoo.com](mailto:utusanpinang@yahoo.com)

■ KEPALA BATAS 8 APRIL

**M**AJORITI petani di daerah Seberang Perai Utara (SPU) di sini mengambil langkah selamat dan terjamin dengan mendapatkan bekalan benih padi secara terus daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di kawasan itu.

Malah, bekalan benih padi sah di daerah ini juga tidak sukar diperolehi selepas tiga PPK iaitu di Lahar Bubu; Pokok Sena dan Penaga menerima bekalan kuota benih padi sah seperti diumumkan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Jamal Harizan Yang Razali sebelum ini.

Ketua Unit Peladang Bumbung Lima, **Shukri Ariffin**, 57, berkata, dia sendiri berurusan secara terus dengan PPK di Lahar Bubu untuk mendapatkan bekalan benih padi, baja dan sebagainya kerana lebih selamat dan terjamin.

"Adalah menjadi kebaikan jika semua petani menjadi ahli PPK, mereka tentu diberi keutamaan bagi mendapat kemudahan yang disediakan itu.

"Malah, mereka juga boleh mengelak daripada terjebak dengan isu bekalan benih haram yang boleh menjejaskan mereka secara jangka masa panjang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Seorang petani, **Mohd. Kozri Ayob**, 55, dari Pinang Tunggal berkata, dia sendiri kini menjadi salah seorang penanam padi benih di atas sebidang tanah



EDRUS BEDOH



MOHD. KOZRI AYOB



SHUKRI ARIFFIN

hampir dua hektar sejak beberapa tahun lalu.

"Benih padi yang saya usahakan ini kemudian diambil oleh pihak tertentu untuk diserahkan kepada pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) untuk dijadikan benih bagi keperluan petani di tempat lain pula.

"Sebagai petani, kita sendiri perlu dapatkan benih padi sah di tempat yang dibenarkan sahaja dan jika beli benih padi dikedai jual racun, belum tentu benih padi itu berkualiti," katanya.

Menurutnya, ramai pesawah di daerah itu juga menyedari mereka bakal berdepan pelbagai risiko jika membeli benih padi yang tidak mempunyai pengesa-

han daripada Kementerian Pertanian.

Bagi pesawah, **Edrus Bedoh**, 55, dari Kampung Paya Keladi Masjid pula, katanya, banyak isu dan masalah berbangkit perlu dihadapi oleh pesawah yang mendapatkan bekalan benih padi haram untuk tanaman masing-masing.

"Saya sendiri membuat urusan ambil benih padi dari ketua kelompok di Jabatan Pertanian Bumbung Lima di sini sejak dulu lagi.

"Saya menanam padi sejak berumur 20-tahun lagi dan sehingga sekarang belum ada masalah kerana saya ambil benih padi di tempat yang sah," katanya.



PEJABAT PPK Penaga yang menjadi tumpuan petani mendapatkan benih padi sah di daerah Seberang Perai Utara.

utusan Malaysia 9/4/2019

## Sisa babi cemar sungai, jejas pesawah

➔ Hasil padi didakwa kurang, tak berkualiti angkara bekalan air kotor

Oleh Muhammad Yusri Muzamir, Siti Norshafikah Rosli dan Siti Hajar Yusof  
bhnews@bh.com.my

► Tasek Gelugor

**H**ampir 400 pesawah di dua perkampungan di sini, mendakwa terjejas ekoran pencemaran sisa babi dari kandang ternakan haiwan itu di Kampung Selamat dekat sini, yang disalurkan ke sungai berhampiran.

Kegiatan berlarutan sejak lebih 40 tahun lalu itu didakwa menyebabkan hasil tanaman padi di Kampung Air Melintas Kecil dan Kampung Air Melintas Besar di sini, gagal dimaksimumkan.

Situasi itu antara lain membantutkan pertumbuhan tanaman padi dan kebanyakannya menghasilkan padi hampa, selain pesawah berdepan kesukaran memilih baja bersesuaian.

Ketua Unit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pokok Sena, Ahmad Sulaiman, 69, berkata pesawah juga berdepan masalah kulit, khususnya ketika musim tanam padi bermula, selain kluatir tahap kesucian air di saliran terbabit.

Katanya, pelbagai laporan mengenai perkara itu dikemukakan kepada pihak berkenaan, tetapi

tiada tindakan diambil kerana kandang ternakan babi terletak hampir dua kilometer dari rumah penduduk itu beroperasi secara sah.

"Sepatutnya, 10 tan padi boleh dihasilkan bagi sawah seluas satu hektar, setiap musim. Bagaimanapun, hasil kami di sini hanya mampu mencecah kadar maksimum enam tan semusim.

"Ia membantutkan kadar pengeluaran padi berkeluasan 450 hektar di PPK Pokok Sena ini, selain berpotensi menjejaskan keselamatan makanan negara," katanya di sini, semalam.

Ahmad berkata, Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) negeri sebelum ini sering mengambil sampel air di sungai terbabit, yang alirannya turut masuk ke Sungai Kreh di sini, hingga ke Kampung Air Hitam di Sungai Dua, Butterworth.

"Bagaimanapun, tiada apa-apa tindakan susulan dibuat dan kegiatan pengendali ladang ternakan babi terbabit terus menyalurkan sisa ke dalam sungai. Ia juga mengakibatkan sekurang-kurangnya 200 rumah berhampiran berdepan pencemaran bau busuk.

"Kita juga mengalami masalah lalat terlalu banyak, selain dikhuatiri dijangkiti penyakit bawaan serangga terbabit. Justeru, kita berharap pihak berwajib dapat mengatasi masalah ini segera," katanya.

Penduduk, Yusof Othman, 65, pula berkata, pencemaran terbabit turut mengubah struktur biologi sungai berkenaan.

"Dulu, penduduk di sini, boleh tangkap pelbagai jenis ikan air tawar dan udang galah termasuk menggunakan tangan saja sebab airnya jernih, tetapi kini ia sangat



Keadaan sungai yang kotor dan busuk akibat pembuangan sisa babi di Kampung Air Melintas Kecil, Tasek Gelugor.

hitam dan tiada lagi ikan hidup di sungai ini.

### Penduduk tak selesa

"Malah, kebanyakan penduduk di Kampung Selamat juga mendakwa tidak selesa dengan pencemaran dihasilkan kandang babi itu," katanya.

Sementara itu, kerajaan negeri digesa memindahkan lokasi kandang babi itu bagi mengatasi masalah pencemaran ekoran pembuangan sisa haiwan disalurkan ke sungai berhampiran.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya, berkata ia susulan terdapat keperluan mendesak bagi mengatasi masalah lebih 40 tahun lalu itu.

"Perkara ini sudah dibincangkan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang sejak 30 tahun lalu, tetapi tiada tindakan

mengatasinya oleh kerajaan negeri.

"Kerajaan negeri sepatutnya ada perancangan teliti dan berkesan menyelesaikan masalah ini, malah urusan pemindahan kilang babi ini tertakluk di bawah bidang kuasa kerajaan negeri," katanya ditemui di sini, semalam.

Shabudin berkata, kerja pelencongan sistem saliran berhampiran kawasan sawah di situ sudah dibuat bagi memastikan air sisa babi yang mengalir tidak masuk ke petak sawah.

"Kita sudah tutup semua pintu air masuk ke sawah dan melencongkan air sungai tercemar dengan sisa babi terus ke laut.

"Sebaliknya, air dari Sungai Jarak/Sungai Tok Keramat di sini, untuk kegunaan pesawah dengan lencongan ini sudah diguna pakai sejak tahun lalu," katanya.

Pengerusi Kesihatan, Penguatkuasaan

nan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Dr Afif Bahardin, berkata kandang babi terbabit kini dalam proses pertukaran konsep daripada terbuka kepada tertutup.

Bagaimanapun, beliau tidak menjelaskan sama ada kerajaan negeri berhasrat memindahkan kandang itu ke lokasi lain.

"Kita akan tutup ladang itu jika pengusaha tidak mengikut peraturan ditetapkan. Saya sudah beri peluang penternak melaksanakan sistem ladang ternakan terbuka kepada tertutup sehingga hujung tahun ini.

"Namun, masih ada penternak menjalankan aktiviti secara tradisional, sedangkan kerajaan negeri sudah menyarankan semua penternakan tradisional bertukar pada penternakan moden dan berteknologi," katanya.